

19 SEP 1998

Anwar-nafi

ANWAR NAFI MELAKUKAN LIWAT, KATA TUDUHAN ADALAH PALSU

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pengakuan yang dibuat oleh dua orang lelaki bahawa mereka melakukan perhubungan seksual dengannya adalah palsu dan dipaksa dari mereka.

Dalam menafikan bahawa beliau terlibat dengan mana-mana aktiviti yang beliau dituduh, Anwar berkata pengakuan bersalah oleh kedua-dua lelaki berkenaan dibuat di dalam "keadaan terdesak dan zalim."

Adik angkat Anwar, Sukma Darmawan, 37, dan rakan dan juga bekas penulis ucapannya, Dr Munawar A. Anees, 51, hari ini mengaku salah di Mahkamah Sesyen kerana melakukan perbuatan kelucahan melampau dengan membenarkan Anwar meliwat mereka.

Anwar mengulangi bahawa terdapat kospirasi politik peringkat tinggi untuk menghancurkan kerjaya politikanya "dengan secara character assassination."

Bercakap pada satu sidang berita di kediamannya di Bukit Damansara lewat petang ini, beberapa jam selepas Sukma dan Munawar dihadapkan di mahkamah, Anwar mencabar pihak berkuasa menangkap dan menghadapkannya di mahkamah.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri, perlu mengambil tindakan segera untuk menghadapkan beliau ke mahkamah supaya beliau (Anwar) sendiri dapat membela diri dan membersihkan namanya dan bukan pihak berkuasa menakut-menakutkan mereka yang lemah.

"Adik angkat saya dan sahabat saya yang tidak berdaya mempertahankan diri mereka sendiri telah "disteamroll" untuk mengaku salah tanpa diberi peluang untuk berunding dengan peguam dan keluarga," katanya.

"Adakah terdapat satu trend baru yang sedang berlaku dalam undang-undang Malaysia membuat mereka yang tidak berdaya mengaku melakukan perbuatan seksual yang terkutuk, untuk memecat sesiapa yang dilihat sebagai penghalang kepada skim-skim pendurjana yang memegang kuasa?"

Anwar sekali lagi menggesa supaya reformasi dibuat dalam sistem keadilan jenayah dan proses undang-undang, termasuk kuasa polis yang meluas menyiasat dan menahan.

Beliau mengkritik Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor kerana katanya jelas bersikap berat sebelah dan memihak.

Anwar berkata tuduhan-tuduhan ke atas Sukma dan Munawar hanya dibuat di mahkamah kerana sokongan yang semakin bertambah kepadanya (Anwar).

Mengenai laporan bahawa beliau bercadang untuk mengetuai satu rali di Dataran Merdeka pada pukul petang esok, kira-kira pada waktu yang sama Ratu Elizabeth II dijadualkan hadir untuk upacara sembahyang di sebuah gereja berdekatan, Anwar berkata beliau telah dijemput oleh beberapa pertubuhan untuk hadir di situ.

"Adakah saya memerlukan permit untuk berada di Dataran Merdeka?" katanya.

-- BERNAMA

hs akt WAT